

29/06/2001

Manusia cepat lupa rahmat Allah

Jahamy

UCAPAN dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyentuh pelbagai perkara penting sehingga kita tidak tahu yang mana satu perlu dikupas dulu. Apa yang amat jelas ialah masyarakat Melayu serta mereka yang berminat perlu membacanya berulang kali, terutama kupasan beliau berkaitan dengan sikap cepat lupa orang Melayu dan agama. Ini kerana ucapan beliau amat berani dari segi keikhlasannya tanpa dikotori oleh sebarang agenda politik.

Ramai ahli politik serta ulama agama tidak berani berterus terang apabila berbincang mengenai agama Islam dan kedudukan masyarakat Melayu masa kini. Dr Mahathir berpendapat bahawa orang Melayu cepat lupa kepada rahmat yang dikurniakan Allah kepada mereka, terutama apabila dibandingkan dengan sejarah. Sama ada pendapat beliau benar atau tidak, tidak boleh diputuskan dengan melenting atau membantah atau menyokong tanpa berfikir. Sama ada ia benar atau tidak hanya dapat ditentukan apabila kita berani melakukan muhasabah diri dengan ikhlas. Sebelum kita menolak kemungkinan bahawa kita telah alpa terhadap kurniaan Allah sejak kemerdekaan, marilah kita mengambil iktibar daripada ayat al-Quran yang bermaksud: "Apabila penderitaan menyentuh manusia, dia memohon kepada Tuhannya serta kembali kepada-Nya, kemudian, apabila ia dianugerahi rahmat daripada-Nya, dia lupa apa yang telah dimohonkannya kepada Tuhan sebelumnya, dan ia mengadakan beberapa sekutu bagi Allah, untuk menyesatkan (orang) daripada jalan-Nya. Katakanlah: "Bergembiralah sedikit dengan kekafiranmu (ketidakpercayaan) kamu, sesungguhnya kamu termasuk penghuni neraka." (Surah Az-Zumar, ayat 8)

Dalam ayat di atas, Allah menggambarkan manusia yang lupa diri apabila dirahmati Allah dengan kurniaan daripada-Nya. Selepas orang seperti ini mendapat rahmat daripada Allah yang membebaskan mereka daripada penderitaan, mereka mula mewujudkan sekutu bagi Allah. Kita harus faham bahawa di dalam al-Quran, Allah memberi amaran bahawa keinginan atau ego kita (sila rujuk surah Al-Jaatsiyah, ayat 23), ulama agama (Surah At-taubah ayat 31), berhala, dan harta benda boleh dijadikan sebagai sekutu bagi Tuhan. Apabila kita mengikuti keinginan kita saja atau telunjuk ulama agama tanpa berpandukan kepada ajaran Allah dalam al-Quran, besar kemungkinan kita akan menjurus ke arah kekafiran (tidak percaya). Setidak-tidaknya kerana kita gagal untuk merujuk kepada al-Quran, ini bermakna bahawa kita utamakan keinginan kita serta pandangan ulama agama daripada pandangan Allah.

Sebaliknya, jika kita benar-benar beriman kepada al-Quran sebagai wahyu Allah, kita akan sedar bahawa segala pertolongan yang diberikan oleh Allah melalui kerajaan adalah ujian kepada diri kita. Ini bermakna, tanpa disuruh, segala bantuan yang kita terima akan kita gunakan dengan cukup amanah dan cara yang terbaik supaya kita boleh memajukan diri kita dengan niat bahawa setelah maju, boleh pula kita membantu orang lain. Kita tidak akan bersikap bahawa segala bantuan yang diterima kita daripada kerajaan adalah hak mutlak kita untuk berbuat sesuka hati. Kita juga tidak akan meminta semata-mata kerana kita Bumiputera kerana sebagai seorang Muslim kita mahu bantuan itu disalurkan kepada mereka yang lebih memerlukannya daripada kita. Allah berfirman yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syiar (tanda) Allah, dan jangan melanggar kehormatan bulan haram, dan jangan (mengganggu) binatang had-ya dan binatang qalaa-id dan jangan pula mengganggu orang yang mengunjungi

Baitullah sedang mereka mencari keredaan dan kurnia daripada Tuhannya dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalangi kamu daripada Masjidil Haram, mendorongmu untuk berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa, dan aniaya (permusuhan). Dan bertawakallah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras siksaannya." (Surah al-Maidah, ayat 2)

Ada beberapa sikap serta nilai penting yang disarankan oleh Allah kepada mereka yang mahu beriman kepada-Nya dalam ayat di atas. Allah mewajibkan kita bersikap tolong-menolong antara kita dalam mengerjakan kebajikan dan takwa. Apa itu takwa? Begitu ramai yang telah menyempitkan erti takwa kepada amalan upacara saja. Antara lain, penyempitan ini berlaku kerana sikap 'jalan mudah' dan sikap tidak mahu berfikir secara mendalam. Pengertian orang takwa (muttaquuna) dengan begitu jelas ditafsirkan atau diterangkan oleh Allah dalam surah al-Baqarah ayat 177. Antara sifat orang yang bertakwa ialah mereka yang membantu saudara mara mereka, anak yatim, orang miskin dan orang yang meminta dengan harta-benda mereka serta orang yang menepati janji apabila mereka berjanji. Dalam erti kata lain, seorang yang menerima bantuan kerajaan dengan berjanji bahawa ia akan menggunakan wang itu untuk tujuan perniagaan atau pelajaran tetapi dengan sengaja membazir wang itu tidak mempunyai sifat takwa ini. Orang yang melanggar perintah Allah ini tidak akan dilepaskan begitu saja oleh-Nya.

Selanjutnya, surah al-Maidah, ayat 2 tadi juga menghalang kita daripada menganiayai orang lain walaupun kita benci padanya. Boleh pula kah kita mewujudkan kebencian dalam ummah kita sendiri? Dalam ayat itu, Allah juga melarang kita daripada saling membantu dalam mewujudkan permusuhan. Semua ini adalah perlakuan mereka yang dengan sengaja mahu kafir (ingkar) terhadap perintah Allah dan adalah satu dosa. Anehnya ada ulama yang tidak berani bersuara dan menyampaikan ayat ini bahawa mewujudkan permusuhan ummah dilarang oleh Allah walaupun mereka begitu lantang hendak merejam orang dengan batu walaupun hukuman ini tidak ada dalam al-Quran. Inilah bahaya tidak membaca isi al-Quran - kita mudah tertipu mengenai agama Allah.

Ada baiknya kita cuba memahami ayat itu dan membandingkannya dengan apa yang berlaku di dalam negara kita, terutama masyarakat Melayu. Al-Quran adalah pengukur (furqan) yang praktikal untuk segenap zaman dan ketika.

Jelas bahawa kita menzalimi diri sendiri apabila kita lupa kepada asal usul atau sejarah kita apabila kita sudah senang, atau berkuasa. Apabila kita lupa kepada pertolongan yang Allah berikan kepada kita, mulalah kita tamak, angkuh, tidak bersyukur dan timbullah perasaan hasad dengki terhadap mereka yang di tahap lebih tinggi daripada kita. Oleh kerana sikap dan sifat ini adalah negatif dan bertentangan dengan ajaran Allah, maka mulalah kita merasai azab-Nya. Lama kelamaan, kesenangan, kestabilan dan kemewahan yang ada akan lesap bagaikan lesapnya siang kepada malam. Tidakkah kita mahu merujuk kepada al-Quran mengapa keadaan negara kita agak terancam dan keadaan masyarakat Melayu kucar-kacir kebelakangan ini atau kita hanya mahu mempercayai ceramah serta dakyah pihak tertentu? Mereka yang mahu berfikir dan mengkaji akan berfikir dan mengkaji. Mereka yang buta dan pekak akan berpuas hati menjadi pak turut golongan munafik atau jahil.

Amat malang sekali bangsa yang tidak dapat mengenali pemimpinnya kerana bangsa itu akan tersalah pilih syaitan atau golongan munafik. Selepas pemimpin yang baik meninggal dunia, tidak guna kita menangis atau menabur pelbagai pujian terhadapnya. Pujian bukan didengar olehnya dan hanya menjadi satu lagi sandiwara bagi memenuhi agenda masing-masing yang hadir pada pengebumiannya. Lebih baik kita mengambil iktibar daripada saranan

baik daripada pemimpin itu serta menyokongnya dalam melakukan yang baik (makruf) dan membantunya mencegah yang tidak baik (mungkar) sewaktu dia masih hidup di kalangan kita. Inilah kaedah memuji yang terbaik.

Sewaktu pemimpin ini masih hidup dan jika dia seorang Mukmin (orang yang percaya kepada Tuhan), kita berdoalah supaya Allah memaafkan dosanya serta memberi panduan kepada-Nya untuk mentadbir negara dengan lebih sempurna. Bagi mereka yang mahu boleh mengambil iktibar daripada ayat Allah yang bermaksud: "Maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan Allah dan mohonlah ampunan bagi dosamu dan bagi (dosa) orang mukmin, lelaki dan perempuan. Dan Allah mengetahui tempat kamu berusaha dan tempat tinggalmu." (Surah Muhammad, ayat 190)

Namun begitu, masyarakat yang masih berada pada tahap penilaian berdasarkan kulit dan tidak sanggup mengupas isinya akan terus terpedaya dengan hiburan berpidato, sandiwara beragama serta simbol luaran. Selagi itulah ahli politik serta ulama agama yang jahat akan memesongkan mereka daripada jalan Allah yang diajar-Nya dengan jelas di dalam al-Quran.

(END)